



# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

# **PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

## **PENGENALAN**

Modal insan (human capital) merupakan elemen yang paling penting dalam sesebuah masyarakat, negeri dan negara. Di dalam Islam, kepentingannya jelas dinyatakan Allah SWT di mana manusia dicipta sebagai "sebaik-baik kejadian kahalifah di muka bumi-uummah terbaik". Tamadun manusia lampau telah menunjukkan bahawa kecemerlangan mereka bergantung kepada keupayaan kepimpinan membentuk dan membangunkan manusia. Teknologi, sumber asli, dan kewangan adalah elemen yang mati dan hanya manusia yang mempunyai akal fikiran dan perasaan berupaya mengurus segala sumber secara produktif.

Di Malaysia, Fokus kepada Pembangunan Sumber Manusia (PSM) secara relatif baru dalam bidang pengurusan. Malaysia memberi pengiktirafan kepada bidang PSM dengan menubuhkan Kementerian Sumber Manusia. Walau bagaimanapun, usaha dari agensi dan pihak yang terlibat di peringkat komuniti, sistem persekolahan dan di tempat kerja masih perlu dipertingkatkan umpamanya mekanisme dan proses perencananan program yang sistematik dan mengambil kira keperluan pelanggan pelbagai sektor.

## **TERAS PEMBANGUNAN TERAS**

PMI Negeri Kelantan adalah berbentuk bersepadu, sepanjang hayat (life long), pelbagai kemahiran (multi skills), tinggi sahiah dan produktif. Teras PMI adalah untuk menyediakan tenaga kerja yang berkualiti, iaitu berkemahiran terkini, mempunyai daya fikir, beretika dan mengamalkan nilai-nilai positif dalam kehidupan.

Cabaran ekonomi berteraskan pengetahuan (K-Knowledge) meningkatkan permintaan terhadap tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan produktif. Usaha telah diambil untuk memastikan setiap tenaga kerja Kelantan akan diberi latihan dan kursus PMI yang berupaya meningkatkan kualiti modal manusia serta memperluaskan asas sumber manusia. Perbelajaran sepanjang hayat akan dijadikan agenda di kalangan rakyat memandangkan ia penting untuk meningkatkan kemahiran dan penerokaan ilmu-ilmu terkini.

## Isu-isu PSM

- i. Kurang kesinambungan intergrasi antara usaha PMI di peringkat komuniti, sistem persekolahan dan sistem pengajian tinggi serta tempat kerja.
- ii. Tumpuan dan aspek yang terlalu lebih kepada aspek akademik oleh masyarakat.
- iii. Trend migrasi tenaga kerja keluar negeri Kelantan masih berterusan. Trend migrasi keluar ini perlu dirancang dengan memastikan tenaga kerja dari Kelantan berkemahiran dan mempunyai sahsiah tinggi.
- iv. Kurang peluang pekerjaan bagi golongan interlek/profesional dan golongan tenaga mahir.
- v. Potensi untuk mengemblem bakat dan seni dari industri tradisional untuk direalisasikan ke arah produktiviti yang lebih tinggi masih tidak dicapai sepenuhnya.
- vi. Kekurangan tumpuan dan peluang bagi pihak negeri untuk memenuhi keperluan yang spesifik atau unik untuk negeri Kelantan
- vii. Peningkatan usaha memenuhi keperluan kumpulan memerlukan seperti golongan cacat, miskin dan ibu tunggal. Keperluan kumpulan khusus ini perlu diambil kira supaya hak dan keperluan mereka di intergrasi dalam arus pembangunan utama. Kerjasama dengan pihak pertubuhan bukan kerajaan amat penting dalam aspek latihan kemahiran dan jagaan. Usaha kuasa pihak NGO perlu dilakukan dari masa ke semasa supaya mereka dapat berfungsi dengan lebih berkesan.
- viii. Meningkatkan kemudahan dan latihan untuk menyediakan masyarakat berfungsi dalam era maklumat.
- ix. PMI masih tidak mendapat keutamaan dalam pengurusan bagi pihak awam dan swasta.
- x. Walaupun agensi mempunyai peruntukan latihan, program PSM tidak dirancang dengan sistematik dan tindakan susulan untuk memastikan aplikasi pengetahuan dan kemahiran di tempat kerja agak rendah.
- xi. Kurang pendekatan partisipatif dalam perencanaan program latihan dan pembangunan.
- xii. Keupayaan penyelidikan untuk menangani masalah dan isu semasa agak terhad oleh kerana kekurangan institusi pengajian tinggi.

## **VISI PMI**

Kelantan sebagai pusat kecemerlangan pembangunan sumber manusia yang menjadi rujukan serantau.

## **MISI PMI**

Membangunkan sumber manusia melalui asas pendidikan dan latihan supaya menjadi insan kamil yang beriman dan bertaqwa berteraskan prinsip ubaidiah, ma'uliah dan itqan yang mempunyai pelbagai kemahiran dan mampu bersaing di pasaran global.

## **STRATEGI PMI**

Pendekatan strategik merangkumi penyediaan program dan kemudahan pendidikan dan latihan. Pelan tindakan sektor ini merangkumi:-

- I. Menubuhkan Pusat Pembangunan Sumber Manusia Negeri Kelantan
- II. Menubuhkan Pusat Maklumat Sumber Manusia Negeri Kelantan
- III. Menubuhkan Universiti Kelantan
- IV. Menubuhkan Pusat Pembangunan Kemahiran Kelantan.
- V. Program Penglibatan dalam pembangunan.
- VI. Program pembangunan sumber komuniti.
- VII. Program pembentukan kepimpinan tempatan.

kesinambungan dan integrasi antara program perlu diambil kira untuk memastikan keberkesanan program yang dilaksanakan. Pendekatan perancangan program secara partisipatif adalah sangat penting bagi meningkatkan kemungkinan penerimaan guna perkara/amalan oleh kumpulan sasaran.

## **FOKUS RANCANGAN PMI KELANTAN (2005-2010)**

### **I. Meningkatkan keupayaan dan keboleherjaan (*capability dan employability enhancement*).**

Tumpuan akan diberikan kepada program PMI yang akan menjadikan warga negeri memilik pelbagai kemahiran (**multi skills**) dan tinggi sahsiah seterusnya meningkatkan nilai paaran (**marketability**) dan keboleherjaan (**employability**) mereka. Saran pasaran tenaga kerja bukan sahaja di Kelantan, tetapi juga di seluruh negara bahkan ke peringkat antarabangsa.

### **II. Meningkatkan peluang pekerjaan dan pengembangan induatri perkhidmatan.**

Hala tuju induatri perkhidmatan baru akan dirangka untuk memberi peluang pekerjaan dan pendapatan kepada Kelantan. Diantara induatri yang diberi fokus adalah :

- Industri perabot
- Industri batik
- Industri Perak dan tembaga
- Industri berasaskan ikan
- Industri berasaskan buah-buahan
- Industri latihan dan pedidikan Islam
- Industri pelancongan
- Industri makanan halal
- Industri produk hal